

Projek perikanan

Oleh LAUPA JUNUS
(WARTAWAN UTUSAN)

u.m. m/s 10 29.1.07

RAMAI pengusaha besar telah berjaya dalam bidang akuakultur atau ternak air tetapi kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu melihat bidang tersebut lebih daripada sekadar melahirkan usahawan.

Sebagai contoh, bidang tersebut telah disenaraikan sebagai antara penyumbang utama dalam meningkatkan sektor agro makanan.

Sebab itu akuakultur telah disenaraikan dalam salah satu Projek Berimpak Tinggi (HIP) menerusi pengenalan program Zon Industri Akuakultur (ZIA).

ZIA merupakan satu program pegezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial.

Ini merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan pengeluaran ikan, udang dan kerang-kerangan yang ditetapkan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) dan mendapat kelulusan kerajaan-kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK).

ZIA yang memerlukan nilai anggaran peruntukan RM244 juta, merupakan sebahagian daripada projek HIP yang dirancang kerajaan melibatkan Program Pengurusan Pertanian Bersepadu.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mewartakan kawasan seluas 58,168 hektar dengan sasaran pengeluaran 662,000 tan matrik dan dinilai dijana sebanyak RM6.3 bilion.

Daripada jumlah itu, 10,815 hektar akan dibangunkan menerusi konsep Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Komoditi ternakan yang ditetapkan termasuk udang laut dan air tawar, ikan laut dan air tawar, rumpai laut, ikan hiasan dan kerang-kerangan.

Menariknya, konsep ZIA akan melibatkan pembangunan projek perikanan ala Felda yang menghimpunkan komuniti penternak atau pengusaha dengan diterajui oleh syarikat peneraju.

Pada masa ini terdapat 39 kawasan pegezonan dikenal pasti diwartakan sebagai ZIA di seluruh negara dan tujuh projek telah pun dimulakan sejak tahun lepas iaitu di Sungai Como, Tasik Kenyir; Tanjung Batu Nenasi Pahang; Sungai Pulai, Johor dan Sempang, Melaka.

Projek ZIA lain termasuk di Sungai Nipah, Sabak Bernam; Ulu Lenggong, Baling serta Bendang Man, Sik yang keduanya terletak di Kedah.

Namun, projek di Sungai Como, Tasik Kenyir di Hulu Terengganu akan menjadi pe-

rintis kepada matlamat murni kerajaan memacu bidang akuakultur.

Program tersebut yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Sekolah Kebangsaan Tappah, Hulu Terengganu esok, akan menjadi penggerak dan sebagai gambaran bagaimana bentuk ZIA yang diimpikan.

Acara yang tidak kurang pentingnya pada hari esok termasuk pelancaran buku *Manual Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar, Kod Amalan Akuakultur Baik, Pensijilan Ladang Akuakultur (SPLAM)* dan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (Mou) berkaitan pemasaran ikan air tawar.

"Program di Sungai Como ini dipilih oleh kerajaan negeri Terengganu menerusi program khas pembasmian kemiskinan rakyat Terengganu," kata Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Junaidi Che Ayub ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Pembangunan di Sungai Como akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga 2010 dan lokasinya sangat sesuai untuk ternakan ikan dalam sangkar.

Keseluruhan luas kawasan kira-kira 3,000 hektar termasuk 2,800 hektar kawasan perairan akan dibina dengan 6,000 unit sangkar sepanjang pembangunannya sehingga 2010.

Kawasan tersebut akan dibangunkan dengan kelompok komersial atau jumlah keseluruhan blok ialah 30 buah merangkumi 200 sangkar bagi setiap blok termasuk genset, stor, rumah dan bot operasi.

Selain itu terdapat juga projek perumahan berjumlah 240 unit kesemuanya.

Projek ternakan ikan sangkar menternak ikan tilapia menyasarkan pengeluaran sehingga 10,000 tan metrik satu pusingan bernilai RM4 juta melibatkan 240 orang termasuk siswazah.

Agensi kerajaan khususnya dan Jabatan Perikanan akan membantu dari segi khidmat nasihat dan bimbingan manakala bank-bank khususnya Bank Pertanian (BPM) sebagai penyedia pembiayaan dalam bentuk pinjaman kepada mereka yang layak.

"Projek ZIA ini amat penting bagi membantu nelayan dan pengusaha yang pendapatan mereka tidak menentu khususnya nelayan pantai," kata Junaidi.

Selain Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga antara agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membantu pembangunan projek ZIA.

Menurut Ketua Pengarahnya, Datuk Anas Khatib Jaafar, pihaknya bertanggungjawab dalam pembangunan ZIA dengan menyediakan infrastruktur asas untuk pembangunan zon tersebut termasuk sempadan atau pagar, jalan masuk utama dan bekalan elektrik serta air.

Penyediaan infrastruktur penting kerana

an ala Felda

Penyediaan infrastruktur penting kerana ia merupakan syarat utama bagi membolehkan sesebuah zon itu beroperasi dengan lancar dan sempurna seterusnya menarik kemasukan pelabur dengan mudah



PENYEDIAAN infrastruktur yang lengkap penting untuk menjayakan projek perikanan berskala besar.

— Gambar hiasan

ia merupakan syarat utama bagi membolehkan sesebuah zon itu beroperasi dengan lancar dan sempurna seterusnya menarik kemasukan pelabur dengan mudah.

Bagaimanapun katanya, LKIM juga memberi sokongan dari aspek latihan teknikal kepada nelayan-nelayan bagi membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran ZIA.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Industri Ternakan Udang Malaysia (MSIA), Syed Omar Syed Jaafar berharap graduan menganggur mengambil kesempatan daripada pengenalan projek ZIA supaya melibatkan diri sebagai pengusaha.

“ZIA diperkenalkan antara lain bertujuan membantu golongan siswazah menganggur dan mereka perlu mengambil peluang terse-

but dengan menghubungi Jabatan Perikanan berhampiran,” katanya.

MSIA kata beliau, akan membantu daripada segi pengenalan teknologi-teknologi terkini kepada pengusaha supaya mereka berdaya maju.

Justeru pelancaran Pembasmian Kemiskinan Rakyat Terengganu yang menelan belanja sehingga RM50 juta menerusi ZIA diharap mencapai matlamatnya iaitu melahirkan usahawan daripada kalangan usahawan dan juga dapat membasmi kemiskinan.

Sebab itu, kriteria pencapaian ZIA berdasarkan matlamat DPN3 dan RMK-9 antara lain menggariskan bahawa ia boleh meningkatkan pengeluaran ikan makanan, ikan hiasan dan bahan mentah pemprosesan produk ikan termasuk untuk dieksport.

Ini sekali gus mampu mengurangkan import ikan makanan dan bahan mentah pemprosesan ikan atau udang.

Yang lebih penting kerajaan berharap bilangan syarikat swasta tempatan dan asing serta nilai pelaburan dapat ditingkatkan manakala peserta mampu memperoleh peningkatan pendapatan kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

Bagaimanapun, pengusaha perlu mengusahakannya secara komersial serta mematuhi Skim Amalan Akuakultur Baik (SAAB) dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM).

Pada masa sama, ia mewujudkan pusat penetasan, ladang ternakan, kilang makanan ternakan, kilang pemprosesan dan sistem pemasaran.